

# 15.6 peratus remaja guna produk tembakau

Melibatkan perokok aktif dan pengguna vape seluruh Malaysia

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN**  
**PUTRAJAYA**


**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan sejumlah 15.6 peratus remaja berusia 15 hingga 19 tahun di negara ini menggunakan produk tembakau.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dapatan itu diperoleh hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan pada tahun 2019.

“Daripada peratusan itu, sejumlah 11.6 peratus golongan itu ialah perokok aktif dan 7.5 peratus menggunakan rokok elektronik (vape),” katanya menerusi hantaran di laman sosialnya pada Khamis.

Hantaran itu sebahagian kempen kerajaan dalam melaksanakan Rang Undang-undang (RUU) Kawalan Tembakau dan Merokok 2022.

Bacaan kedua RUU itu dijangka dibentangkan pada minggu hadapan oleh Menteri, Kesihatan, Khairy



**11.5 peratus adalah perokok aktif dan 7.5 peratus lagi merupakan pengguna vape. Gambar kecil: Dr Noor Hisham.**

Jamaluddin Abu Bakar.

Dr Noor Hisham berkata, ibu bapa yang prihatin, individu bukan perokok dan pesakit akibat rokok digesa menyuarakan sokongan.

“Tindakan (tag) ahli Parlimen anda di media sosial, hubungi mereka atau hantarlah e-mail,” katanya.

Ujarnya, tindakan dan sokongan daripada semua pihak mampu membawa perubahan sekali gus menjadi sebahagian daripada sejarah negara.

“Ini bagi memastikan kesejahteraan

an masa depan anak-anak kita,” katanya yang turut memperkenalkan tanda pagar sokongan terhadap RUU itu iaitu #SayaSokongGEG.

Pada Rabu, Khairy membentangkan RUU itu untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat.

RUU itu memperuntukkan larangan individu lahir pada 1 Januari 2007 daripada membeli, merokok dan memiliki produk tembakau atau vape.

Di bawah RUU berkenaan, mereka yang didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM5,000.